

# KRITIKAN CERPEN \*

---

## 1 PENDAHULUAN:

Secara tradisi, kritikan telah didefinisikan sebagai sesuatu bentuk tulisan untuk menyanjung atau mengecam sebuah hasil seni. T.S. Eliot melalui esainya *'The Function of Criticism'* menyebut **kritik sastra adalah satu tempat untuk suatu komentasi dan eksposisi satu-satu karya seni dengan cara tulisan.** Tetapi oleh kerana pemikiran moden semakin berkembang, kritikan tidaklah semata-mata mahu mendedahkan kejelikan atau keindahan sesebuah karya atau mahu memperlihatkan kemahiran atau tidaknya ketukangan seseorang penulis.

Pengertian tentang kritikan pada masa sekarang telah diperluaskan kerana kita menyedari bahawa sesebuah hasil seni tidak sahaja mengisi ekspresi jiwa seseorang pengarang tetapi merupakan juga imitasi kehidupan yang banyak meninggalkan kesan kepada audiennya. Daiches berpandangan bahawa **kritikus adalah tali penyambung yang mengingatkan karya sastra dengan kehidupan dan tugasnya adalah untuk menetapkan perhubungan antara kedua-duanya.**

Oleh kerana sifatnya yang begitu kompleks, sesebuah karya sastra memerlukan analisa, huraian dan penafsirannya yang terperinci serta menyangkut bidang-bidang ilmu yang lain seperti sosiologi, psikologi, politik, sejarah, agama, falsafah, teori kesusasteraan dan sebagainya.

Memandangkan bidang kritikan yang begitu luas, maka memperkatakannya dalam ruang waktu yang terbatas ini, amat tidak mengizinkan. Namun, saya akan cuba memberikan sedikit gambaran yang amat dasar sambil mengemukakan beberapa buah cerpen sebagai bahan rujukan semata-mata. Akhirnya

---

\* Pernah dibentangkan dalam Bengkel Penulisan Cerpen untuk Angkatan Sasterawan Lima Puluh, Sekolah Menengah Maju, 9hb Jun 1984


anggaplah ceramah saya ini sebagai sebuah percakapan dan semoga percakapan ini akan memanfaatkan kita bersama.

## 2 DASAR SEORANG PENGARANG

Hasil karya seperti cerpen pada dasarnya merupakan luahan rasa terharu seorang penulis tentang sebuah atau beberapa babak dalam kehidupan manusia. Cerpen merupakan kepindahan (transforman) atau sorotan satu atau beberapa insiden yang berlaku dalam kehidupan yang dipapar semula dalam bentuk cerita dengan menggunakan kata-kata (bahasa) sebagai alat, perlukisan watak-watak sebagai pantulan cerita dan pertukangan-pertukangan sebagai teknik untuk membentuk satu pengucapan seni.


Tetapi cerpen bukanlah setakat kata-kata atau susunan-susunan plot. Seseorang penulis yang menggerakkan sensitivitinya terhadap kehidupan memungut sebuah atau beberap insiden yang dianggapnya istimewa (significant) sebagai bahan tulisannya. Hasil daripada pengamatan inilah penulis cuba mengembeling segala yang pada mulanya nyata (facts) dengan imaginasi, emosi, fikiran dan tanggapannya. Kemudian secara tidak langsung pula muncul watak-watak yang dibina dalam suatu suasana kehidupan yang padat dengan latar, masa, dialog, pertemuan, pertentangan dan berbagai lagi. Kemudian kesan daripada itu, penulis mencurahkan fahamannya, keyakinannya, aliran pemikirannya dan sebagainya untuk membina semacam kemanfaatan kepada manusia terutama pembacanya seperti menambahkan pengalaman manusia, memberikan interpretasi dan tafsiran tentang kehidupan manusia, mendedah kehidupan demi menyedarkan dan memperbaiki kepincangan, menyebarkan nilai-nilai luhur dan sebagainya.

Wallas G. Dalam bukunya *'The Art of Thought'* mengatakan; **Dasar bagi seseorang penciptaseni terutamanya penulis kreatif sekurang-kurangnya melalui empat peringkat, iaitu: persediaan, inkubasi, iluminasi dan verifikasi.**



Dalam peringkat persediaan, penulis mendapat idea (persoalan) untuk berkarya hasil daripada gerakan sensitivitinya dan emosinya kepada hal-hal atau peristiwa yang dialami oleh dirinya sendiri atau pancainderanya di alam semesta ini. Kemudian melalui peringkat **inkubasi** atau pengeraman, idea itu berbaur dengan imajinasinya dan pemikirannya bagi mencetuskan tanggapan atau tafsiran dan secara langsung pula memilih bentuk dan gaya pengucapannya bagi membual ekomunikasi secara rohaniah (**iluminasi** atau penjelasan) dengan masyarakat demi menyatakan kebenaran (**verifikasi**) dan kebenaran yang dimaksudkan di sini masih terikat dengan emosi dan tingkat pemikiran penulis.

Goenawan Mohammad dalam bukunya, *Potret Seorang Penyair Muda*, sebagai Malim Kundang, menyebut bahawa **tema lahir dari satu proses perenungan atau pengalaman, proses refleksi dan menempuh pula proses kreasi.**



Ini bermakna bahawa persoalan atau idea asal penulis bukanlah suatu keutamaan (prioriti) dalam sesebuah penciptaan. Ia merupakan kesatuan yang tidak dapat dipisah-pisahkan. Isi, persoalan atau idea dan bentuk pengucapan saling berjalin dan mengalami proses-prosesnya yang tertentu.

Sesebuah cerpen bukan sahaja merupakan imitasi (peniruan kehidupan tetapi, ia lebih menyatakan simpatinya secara langsung terhadap manusia dan kehidupannya, dan tentu pula kehidupan yang realiti. Dan bila diperkatakan menggambarkan segala liku kehidupan yang dihadapi manusia; tentang manusia dan kemanusiaan, tentang kepahitan dan kemanisan hidup, tentang penderitaan dan percintaan dalam hidup, tentang keganasan an keagungan, tentang kesucian dan kenodaan, tentang pernyataan azam dari sesebuah kekecewaan dan sebagainya.

Masuri S.N. dalam kertas kerjanya untuk Pertemuan Sasterawan Nusantara 1 (1977) menyatakan: **Kesusasteraan (termasuk cerpen) dikatakan mempunyai caranya tersendiri dalam meneroka dan mencari apa ertinya**

**pengalaman hidup manusia, ini ialah kerana sifat semula jadinya setiap cipta sastera memang meneroka kepelbagaian, kerumitan dan keluarbiasaan pengalaman tiap-tiap individu ataupun sekumpulan manusia serta hubungannya dengan alam semula jadinya.**

Dengan membuat tafsiran tentang kehidupan itu, maka daya imaginasi penulis memberikan reaksi terhadap realiti yang dilihatnya, dirasai, dibebani dan yang difikiri oleh manusia dan alam sekitarnya.

Berbicara pula tentang kehidupan; kehidupan itu tidak statis bentuknya, ia sentiasa bergerak-gerak. Dan dari sifatnya yang begitu, lahir masalah demi masalah; masalah besar, masalah remeh, masalah rumit dan sebagainya. Kadangkala masalah-masalah ini tidak perlu dianalisa, adakalanya pula masalah itu harus dianalisa secara mendalam dan dipecahkan kerana ia melibatkan unsur-unsur kehidupan manusia yang lain iaitu kepercayaan, moral, ekonomi, politik dan sebagainya.

Melalui renungan yang dalam, sifatnya yang kritis dan ditokok dengan nada emosi yang meluap, manusia penulis (seperti yang saya katakan tadi) mencedok sebabak atau beberapa babak pergerakan dan pergeseran manusia dalam kehidupannya dan alam sekitarnya. Kemudian penulis menuangkan dalam bentuk cerpen dengan menampilkan masalah-masalah manusia ta di dalam tulisannya disamping menyisipkan pemikiran-pemikiran atau kritikan-kritikannya terhadap manusia itu dengan hasrat mahu menyelesaikannya.

Jadi, masalah-masalah dalam kehidupan manusia itulah yang menjadi pokok persoalan manusia pencipta dalam ciptaannya. Seseorang penulis yang mahu berjaya sentiasa mendekati kemudian memahami perubahan alam sekitarnya, perubahan struktur sosial, ekonomi dan politik di hadapannya kerana segala perubahan-perubahan ini melibatkan manusia di dalamnya. Bertambah pula dalam kehidupan sekarang, manusia sering tercepit di celah-celah pengaruh kebendaan dan menghadapi berbagai-bagai ragam kompleks. Ada orang menganggap bahawa meneliti berbagai perubahan alam sekitar dan kehidupan atau mengamati pergerakan dan pergeseran dalam hidup manusia itu seperti yang diterokai manusia penulis itu merupakan sebuah telaga yang tidak pernah mengenal erti kering.

Kemudian segala masalah yang menghempapi kehidupan manusia dicari jalan penyelesaiannya. Seorang cerpenis mengupas masalah-masalah itu dengan caranya tersendiri sambil menyisip segala macam idea / pemikirannya melalui watak-watak ciptaannya.

### **3 DASAR SEORANG PENGKRITIK**

Secara umum ramai bertanggapan bahawa kritikan berfungsi untuk membuat pendekatan atau suatu cara untuk membuat penghuraian, penafsiran dan penilaian ke atas sesebuah karya sastra seperti cerpen. Tetapi ramai antara kita juga bersetuju bahawa pendekatan yang dibuat oleh seorang pengkritik tidaklah harus tertumpu pada suatu sudut semata-mata. Apatah lagi bila kita mengatakan tentang selera (taste) kita masing-masing, ia tidak pernah bertemu dalam satu lingkaran yang bulat. Selera dalam menghadapi sesebuah karya sastra bisa berpindah-pindah antara seorang penggemar dengan seorang penggemar yang lain.

Walaupun begitu, kita tidak dapat menolak kehadiran seseorang pengkritik. Bertambah-tambah lagi dalam situasi sosial kita hari ini; sikap terlalu mengejar material, sikap terlalu mengabdikan kepada peradaban nuklear dan komputer, sikap terlalu setia kepada satu ideologi politik yang sempit, sikap terlalu taat kepada revolusi industri dan sikap yang sering akur kepada satu sistem pendidikan yang kurang memberi nilai-nilai estetik, menjadikan sebuah karya seni khususnya kesusasteraan sering terpisah dan tenggelam tanpa hirauan. Di sinilah kemunculan seorang pengkritik dirasakan perlu bagi mengembalikan dan memupuk semula perhubungan yang semakin renggang antara sebuah karya sastra dengan penggemarnya. Di samping membina jalinan ini, sebuah kritikan juga dapat meningkatkan apresiasi di kalangan masyarakat dan sekali gus pula dapat mendorong penciptaan.

Seorang penulis kreatif seperti cerpenis, lazimnya mengalami 'kesusasteraan' sewaktu-waktu dalam proses penciptaan dan tentunya semacam kepuasan (setidak-tidaknya kelegaan) apabila sesebuah karya itu selesai tercipta. Ini disebabkan semua 'bebanan rasa' yang hinggap di dalam diri seorang penulis tertumpah dalam bentuk kata-kata yang kemudian dideretkan sebagai hasil kesusasteraan.

Bagi seorang pengkritik pula, dia menemukan pengalaman ‘kesusasteraan’ seorang penulis kepada penggemarnya bukan sahaja dari sudut ‘**apa yang diceritakan**’ oleh seseorang penulis itu tetapi ia mendekati juga ‘**bagaimana diceritakan**’.

Bagi seorang pengkritik yang tajam dan luas pandangannya, melihat semua sudut yang membangun sesebuah karya. Melalui sebuah cerpen, pengkritik melihat sudut cerita yang membina persoalan, tema, motif, kesan dan yang penting sekali melihat ‘manusia’ di dalamnya. Di samping itu pengkritik tidak akan melepaskan dirinya dari melihat sudut penceritaan yang membangkitkan plot, konflik, klimaks dan penyelesaiannya serta melihat juga dari sudut penyampaian cerita dengan bahasa sebagai alat pengucapannya yang merakam gaya serta kemampuan penulis mengeksploit bahasa.


Namun demikian, seperti yang saya perkatakan lebih awal lagi, pengkritik tidaklah bekerja sekadar menampakkan struktural sesebuah cerpen sahaja. Oleh kerana cerpen mengandungi berbagai unsur kehidupan, maka pengkritik menela dan menganalisa unsur-unsur luaran yang turut mempengaruhi sesebuah penciptaan.

Dan dalam melihat kedua-dua unsur itu, seseorang pengkritik mahu dan sentiasa menumpukan penelitiannya untuk turut merasa dan mengalami detik pengalaman imaginasi penulis dan gerak rasa penulis yang menanggapi secebis aktiviti manusia dalam kehidupan. Kemudian setelah melihat segala itu, seseorang pengkritik bersedia pula membuat garisan-garisan tanggapannya terhadap sesebuah karya dengan menggilap sesuatu yang kabur, menunjuk arah sesuatu yang kelam, menambah warna sesuatu yang kusam serta membina tapak dan suasana penulisan cerpen kepada penggemarnya.

Baha Zain, dalam esainya, *Kritikan dan Kesusasteraan* (lihat Penulisan Kreatif, Kumpulan Esei Ceramah), mengatakan: **Kesusasteraan memenuhi keinginan manusia yang merasa, sedangkan kritikan memenuhi keinginan manusia yang berfikir.** Demikianlah antara seorang penulis dengan seorang pengkritik.

Seorang penulis, mengikut D.H. Lawrence, adalah **seorang**

**pekerja seni yang pada dasarnya adalah untuk faedah dirinya sendiri (art for my sake)** dan pendapat ini tidak banyak bezanya dengan pendapat Sigmund Freud yang menganggap **penulis dalam proses penciptaannya adalah bertolak dari hasrat atau niat yang tidak pernah puas dalam serba tindakannya yang belum tercapai.** Dan bila segala macam 'ketidakpuasan' atau gerak rasa ini terkumpul di dalam sesebuah atau beberapa buah karya sastera, ia banyak mengarahkan dan memenuhi keinginan masyarakat untuk turut merasa. Sedang seorang pengkritik tidak berhenti setakat merasa atau mahu turut terharu dengan getar rasa dan pengalaman imaginasi seseorang penulis tetapi sekali gus memenuhi keinginan masyarakat untuk turut berfikir terhadap berbagai aspek karya yang dibicarakan. Secara dasar, seorang pengkritik melihat tulisan cerpen atau karya-karya kreatif lain daripada dua segi ini:




Tentunya seseorang pengkritik sebelum membuat kritiknya harus tahu dan mendalami kesusasteraan. Dan dalam konteks percakapan saya ini, ia harus lebih dahulu mendalami akan pengertian cerpen. Berdasarkan daripada pengertian inilah, sesebuah cerpen bisa diterokai, dikupas dan dianalisa untuk mewujudkan hubungan dengan masyarakat penggemar secara

pengamatan yang bersifat objektif.

Pun kritikan tidak berhenti setakat itu, setakat diteliti dari sudut intrinsiknya atau elemen-elemen dari dalam yang menampakkan struktural sesebuah cerpen sahaja. Kritikan harus meninjau lebih jauh dan harus dipandang dari segi ekstrinsiknya juga atau pengaruh-pengaruh luaran. Ia harus direnung mungkin dari sudut sosiologi, politik, ekonomi, sejarah, agama, falsafah dan berbagai sudut lain. Dengan demikian, kita sempat juga diajak berbicara secara subjektif ke atas sesebuah karya.

M.H. Abrams dalam bukunya, *'The Mirror and the Lamp'*, melakarkan pendekatan kritis yang utama terhadap karya sastera (termasuk cerpen) seperti berikut:



Sesungguhnya sesebuah cerpen tidak mungkin wujud kerana ketelitiannya, strukturnya atau keindahan bentuknya semata-mata. T.S. Eliot dalam buku, *'Five Approaches of Literary Criticism'*, menyebut: **kebesaran kesusasteraan tidak dapat ditentukan oleh ukuran-ukuran kesusasteraan semata-mata**. Jadi, sesebuah cerpen adalah alat untuk menceritakan dan merakakan pengertian-pengertian lain tentang aktiviti-aktiviti manusia.

Abdullah Hussain, dalam bukunya, *'Penulisan Cerpen: Kaedah dan Pengalaman'*, merakamkan: **Cerpen adalah satu institusi sosial yang menceritakan tentang kisah-kisah manusia, meskipun begitu ia bukan satu subtitute yakni satu pengganti ilmu sosial, politik dan apa-apa saja tetapi ia mempunyai justifikasi dan tujuannya sendiri. Dan pengkritik melihat kedua-dua sudut tersebut iaitu bentuk dan hal-hal kemanusiaan yang digarap oleh penulis di dalam cerpennya.**

Sekarang izinkanlah saya memperkecil skop percakapan saya ini kepada persoalan di dalam cerpen untuk memberikan sedikit gambaran tentang kritikan cerpen.

#### **4 PERSOALAN DALAM CERPEN**

Shanon Ahmad, di dalam bukunya, *'Gubahan Novel'*, menulis: **Semua karya kreatif sastera bermula dari satu titik iaitu idea. Tanpa idea tidak akan lahir cerita, tidak akan terbentuk perwatakan, tidak akan ada penyusunan plot, dan, yang paling penting, tidak akan ada persoalan manusia yang menjadi inti perbincangan seorang penulis. Dengan demikian, juga tidak akan muncul penganalisaan terhadap manusia dan aspek kemanusiaannya.**

Dari idea membentuk cerita. Sedang cerita merupakan organisma yang paling asas dalam sebuah cerpen. E.M. Forster (lihat Aspek-Aspek Novel) mengibaratkan **cerita** sebagai tulang belakang atau seperti cacing pita yang tidak mudah dibezakan hujung pangkalnya. Ini kerana semakin kita menghayati cerita, semakin dalam renungan kita terhadap kehidupan dan menyaksikan berbagai-bagai keanehan manusia.

Idea mungkin timbul untuk menyorot secebis kehidupan dari

sudut yang berbagai-bagai. Melalui cerpen, seorang cerpenis mungkin menyorot dari segi moral atau kepercayaan, ekonomi, psikologi, politik, sosial dan lain-lain lagi.

Tetapi hakikat sebenarnya dalam cerpen bukanlah idea semata-mata. Seorang pengkritik tidaklah meletakkan idea penulis sebagai inti perbicaraannya tapi yang sering diperhatikannya waktu mengkritik cerpen ialah di sebalik cerita, di sebalik krisis dan di sebalik situasi manusia di dalamnya.

Idea menerusi cerita juga membentangkan persoalan kehidupan manusia. Antara kita mungkin bertanggapan bahawa persoalan yang menjadi landasan penceritaan daripada teknik yang seharusnya menguasai persoalan. Kalaulah persoalan yang dipentingkan dan diberatkan, ini bermakna cerpen adalah longgokan kritikan terhadap nilai-nilai sosial dan kesekitarnya. Kalau kita menafsirkan bahawa cerpen sebuah genre kesusasteraan mengurniakan kita dengan suatu rasa seni yang indah, perbauran kedua-duanya iaitu teknik dan persoalan, mahu tidak mahu harus sama berat dan kuat.

Di sinilah rasa keindahan mengalami kesusasteraan dapat dibangkitkan yang mana akhirnya akan menelurkan pula kesenangan (pleasure). Melalui persoalan kehidupan manusia, penulis cerpen mencubit sebabak atau beberapa peristiwa untuk dimuatkan ke dalam tulisannya. Tetapi penulis tidak setakat ingin mendedahkan peristiwa itu sahaja, persoalan tersebut dibedah, dikupas dan dicari jalan penyelesaiannya. Dengan demikian, penulis telah membuat reaksi terhadap realiti kehidupan yang dilihatnya, dirasai, dibebani dan difikiri oleh manusia dan alam sekitarnya. Dan sebagai pengkritik, pengritik memastikan persoalan yang bangkit daripada idea penulis menemui jalan penyelesaiannya atau melihat bagaimana persoalan itu dibedahi oleh penulis. Ini tidaklah bermakna cerpen merupakan alat atau penawar sebarang penyakit peradaban tetapi setidak-tidaknya cerpen sebagai genre kesusasteraan dapat memberikan kesan emosi dan pemikiran kepada penggemarnya. Dan seorang pengkritik juga memastikan dan mendorong kesan tersebut hinggap dan singgah kepada pembaca.

Akhirnya, izinkanlah saya memperkatakan tiga buah cerpen dari sudut persoalannya. Dua daripada tiga buah cerpen contoh pernah memenangi hadiah sastera dan penghargaan, sementara sebuah lagi merupakan hasil tulisan penulis cerpen veteran kita yang amat rajin.

---

## PERSOALAN DALAM 'BEKAS PENGHULU'

karya S. Markasan

*Antologi Cerpen-Cerpen Asean*

*Dewan Bahasa dan Pustaka (1978)*

Cerpen '*Bekas Penghulu*' ini menggambarkan seorang manusia dengan kegelisahannya akibat 'perampasan' yang dibuat oleh pemerintah ke atas tanah dan rumah untuk memberi jalan kepada pembangunan negaranya. Ia menggambarkan kekusaran Pak Suleh yang kehilangan kebiasaan-kebiasaan hidup yang pernah didakapinya sebagai penghulu di sebuah pulau dan kekusaran terhadap hidup masa depannya yang penuh dengan kemuraman.

Pada mata dan hati Pak Suleh terlihat tentang lenyapnya kebiasaan masyarakat dan bangsanya dari melekat terus kepada anak-anaknya. Pada mata dan hati Pak Suleh terlihat bagaimana keadaan hidupnya setelah meninggalkan pulau kesayangannya dalam kepedihan yang menghiris. Inilah harga yang harus dibayar oleh Pak Suleh demi pembangunan negaranya.

Walaupun kita dapati '*Bekas Penghulu*' menggambarkan persoalan keluarga tetapi S. Markasan memperlihatkan kita tentang gejala-gejala yang terlekat pada sebatang tubuh manusia yang memberi restu kepada pembangunan negaranya itu. S. Markasan berjaya memaparkan kepada kita:

- 1. Seorang bekas penghulu yang hilang kepimpinannya. Bayangkanlah bagaimana seorang seperti Pak Suleh kehilangan pulau yang diperintah 'tuk', kehilangan lautnya tempat dia menimba hidup.**
- 2. Kegelisahan seorang anak manusia seperti Pak Suleh yang mengalami nasib yang kurang menyenangkan setelah berkorban demi pembangunan negaranya, kegelisahan duduk di rumah pangsa yang serba terkurung, kegelisahan**

**hidup ditanggung orang lain, kegelisahan  
menghadapi masa depan yang muram.**

- 3. Kesan-kesan yang terpaksa dipikul oleh seorang anak manusia seperti Pak Suleh akibat perubahan iklim kehidupannya, seperti terpaksa membayar sewa rumah, makan ikan sepat dan sebagainya merupakan keluhan-keluhan manusia yang terjejas akibat menyumbang warna kepada pembangunan negaranya.**

Itulah persoalan hidup yang berjaya di singkap oleh S. Markasan walaupun di akhir cerpennya itu kita tidak ketemu dengan penyelesaian persoalan-persoalan tersebut tetapi S. Markasan berjaya menonjolkan sedikit perwajahan tentang kehidupan yang dideritai oleh segolongan manusia yang terjejas oleh penempatan semula yang dilukis oleh S. Markasan melalui dalam diri atau konflik jiwa watak utamanya.

---

**PERSOALAN DALAM ‘KE MANA HATI HENDAK  
KUBAWA’**

*karya Mohamed Fuad Salim  
Antologi Ekspresi  
Pustaka Nasional (1975)*

Cerpen ini mengisahkan sekelumit hidup seekor burung jambul yang merindui kebebasan, hidup dalam sangkar yang secantik dengan sajian makanan yang lazat-lazat tidak pernah mendamaikan hatinya. Ia ingin terbang bebas seperti pipit, tiung, merpati dan serindit, ia ingin mengecapi erti kasih bersama keluarganya, ia ingin mengucapi sebuah sayang kepada kekasihnya, tetapi sangkar yang didiaminya itu membuat dia sering bersendirian dirangkul kerinduan yang amat, kesepian yang menyangat.

Konflik jiwa timbul amat jelas kita dengari melalui interior monolog ini:

**Tubuhku saja di sini...dalam sangkar yang  
indah ini. Dalam dakapan mesra manusia yang**

**memberikan aku kesenangan dan kemewahan.  
Tetapi batinku tersiksa. Sangkar ini bagai neraka  
jahanam bagiku.**

Peluang untuk bebas terbuka bagi jambul apabila pada suatu pagi dilihatnya pintu sangkarnya terbuka. Jambul membuat tekad untuk bebaskan dirinya untuk menemui keluarganya dan kekasihnya. Tetapi sampai ke kampung halamannya keadaan berubah, tempat tinggalnya menjadi lapang dan lengang, tanpa pokok-pokok, tanpa kicauan burung-burung beraneka lagu. Jambul terus mencari keluarganya.

Melalui Puyuh, Jambul mengetahui ayahnya mati digempur **bulldozer**, ibunya mati menanggung merana, adiknya terjebak sebuah perangkap dan kekasihnya pergi menodai janji. Dan dari kekecewaan demi kekecewaan yang melandainya, Jambul bertekad kembali ke sangkarnya.

Mendengar persoalan cerpen ini, kita amat mudah menangkap bahawa persoalan yang mahu diterapi oleh Fuad Salim ialah persoalan kebebasan dengan berlatarkan pembangunan. Persoalan yang menanggung watak utamanya diteroka oleh Fuad dalam persoalan jiwa, persoalan rohani untuk mendapatkan kebebasan, kemahuan Jambul tidak berinjak setapak pun walau kupingnya didengari:

- 1. Kebebasan hari ini sudah tidak memberi pengertian .**
- 2. Penindasan dari manusia kejam.**
- 3. Alam sekitar yang sudah hilang keasliannya.**
- 4. Pencemaran terhadap alam.**

Dan segala persoalan itu dikesampingkan untuk memberi sedikit gambaran dan pengertian yang total kepada persoalan dasar iaitu kebebasan.

Cerpen yang berbentuk satira ini dengan berwatakkan burung-burung tentunya adalah gambaran-gambaran hidup manusia dan kehidupannya. Mohd Fuad Salim tentunya hendak merakamkan segelintir kegelisahan manusia dalam membuat pengucapan terhadap kehidupannya. Manusia memerlukan kebebasan bergerak, kebebasan berfikir, kebebasan pada rohani, kebebasan

pada jasmani. Manusia akan merasakan dirinya senantiasa terperangkap dan sentiasa terkurung terbelenggu mental dan fizikal andainya kebebasan yang sering menjadi impian, jauh meninggalkannya.

Kita dapat melihat protes atau suara batin Fuad dalam cerpennya itu, pengucapan-pengucapan seperti:

- 1. Kerana kegilaan manusia mengejar kemajuan dan menjaga kepentingan sendiri, kita teraniaya. Kita bukan sahaja sukar mendapat makanan, malah sukar mencari tempat kediaman.**
- 2. Mereka bawa bulldozer dan traktor, terus menggempur segala-gala yang ada di depan mereka. Mereka mau membina kilang, bina ruamh, bina bangunan. Semua untuk kepentingan mereka sendiri.**
- 3. Hidup kita sekarang kais pagi makan pagi, dulu...dulu rezeki begitu mewah, tapi sekarang...sekarang kita terpaksa memburu makanan di mana-mana.**

menampakkan kita suara-suara Fuad sendiri dalam menghayati kehidupan hari ini yang serba mengejar kepentingan tanpa menoleh kepada manusia-manusia lain yang tersepit. Dan Fuad menghujani protesnya melalui watak-watak burung yang direkanya setelah membuat pengamatan yang begitu tajam terhadap kehidupan.

Jambul, Pipit, Tiung, Merpati, Serindit dan Puyuh adalah

lambang-lambang manusia yang tersepit dan terpernyuk dalam kehidupannya, sedang yang menindas, yang mengurung adalah lambang-lambang manusia yang punya kuasa dan memperguna kuasa tanpa belas ikhsan, tanpa kemanusiaan.

---

## **PERSOALAN DALAM 'MONDOK'**

*karya Mohamed Latiff Mohamed*

*Antologi Kehilangan*

*Badan Kesenian Melayu (1985)*

Sebuah lagi cerpen berbentuk satira yang menarik untuk diperkatakan ialah 'Mondok' garapan Mohamed Latiff Mohamed. Mondok seperti yang kita ketahui ialah sejenis binatang yang paling kotor, terasing daripada hidup manusia, jijik dan hina, telah berkumpul membincangkan masalah mereka. Tekanan hidup yang mereka alami di dalam sebuah tempat (negara), tekanan fizikal dan mental telah menjadikan mondok-mondok ini terpaksa bertindak sama ada mahu terus diam dengan menerima takdir dan nasib yang menimpa mereka atau bertindak menerjang dalam mencari jalan keluar untuk kediaman rohani. Persoalan darjat, maruah, penghinaan, penindasan disampaikan secara satira yang cukup menarik oleh Mohamed Latiff Mohamed. Apakah cerpen ini mengisahkan mondok semata-mata? Atau ia lambang kepada kehidupan manusia? Manusia bagaimanakah yang hidupnya setaraf dengan mondok? Itulah persoalan-persoalan sebenar yang mahu diungkap oleh Latiff.

Seperti Fuad, Latiff juga membuat pengucapan-pengucapan bernada protes. Ini begitu ketara sekali dalam tiga tukilan di bawah ini:

- 1. Kita mesti pindah dari sini, tempat ini bukan tempat kita lagi. Tuhan telah menutup rezeki kita di sini.**
- 2. Aku tidak mahu semua keturunan kita terhapus dari muka bumi ini disebabkan oleh kebodohan kita sendiri, kita juga berhak hidup seperti manusia, kita pun dijadikan Tuhan seperti mereka, kita harus menuntut hak kita sebagai makhluk Tuhan.**

**3. Itulah silapnya kita semua, kita terlalu merendahkan diri. Kita yang menganggap diri kita rendah. Kita tak mahu menilai diri kita sendiri, kita sendiri menjatuhkan martabat kaum kita.**

Keghairahan mondok-mondok ini untuk melancarkan satu tindakan demi menaikkan taraf hidup mereka hancur musnah bila ketua mereka dan Mondok Betina di suatu pihak yang lain mati dibunuh oleh seorang budak. Sebelum kematiannya mondok-mondok ini telah berpecah kepada dua puak. Mereka berselisih pendapat, yang satu mahu melancarkan tindakan, sementara puak yang satu lagi mahu mengalah dan lari dalam perdalaman hutan. Apakah simbolik disebalik perpecahan in? Kehilangan Ketua Mondok merupakan satu tragedi yang amat simbolik, terhadap kehilangan pemimpin suatu masyarakat di dalam sesebuah negara. Kematian Ketua Mondok adalah satu simbolik yang amat tragis, sementara yang membunuhnya adalah lambang penindasan, lambang autokrasi, lambang suatu kekuatan kuasa yang kejam.

Kecuali S. Markasan melalui '*Bekas Penghulu*' tadi yang telah menulis cerpennya secara realis dan terus terang. Persoalan yang dikemukakan oleh S. Markasan juga adalah persoalan besar seperti yang disingkap di dalam '*Ke Mana Hati Hendak Kubawa*' dan '*Mondok*'. '*Bekas Penghulu*' menggarap satu persoalan sosial yang menyerang secara bertalu-talu dan ia kini terus berjalan untuk menghakis perlahan demi perlahan sisa-sisa kehidupan kebudayaan kita dalam kota yang bernafaskan kosmopolitan ini. Sejauh dari pengetahuan saya, belum ada cerpenis yang berani mengemukakan persoalan yang amat mengharukan ini secara terus terang begini. Usaha S. Markasan mengupas hati manusia-manusia yang berada di dalam lingkungan kebudayaan, telah membuka sedikit tabir untuk kita merenung akan kewujudan kita.

S. Markasan melalui cerpennya itu membuat anggaran bahawa peristiwa itu akan berlaku dalam tahun 1990 tetapi tragedi ini telah berlaku lebih awal. S. Markasan adalah perenung kepada dunia futuristik kebudayaan Melayu yang amat peka dan tajam.

Sebenarnya kehilangan status 'penghulu' bagi masyarakat Melayu adalah satu kehilangan iklim kebudayaan, adat istiadat mereka seluruhnya. Penghulu adalah institusi kepimpinan bagi orang-orang Melayu. Penghulu adalah tempat bergantung dan berpaut.

Sementara Fuad dan Latiff yang menggunakan bentuk satira pada cerpen-cerpennya memang mengungkapkan banyak persoalan di dalamnya. Persoalan sosial dan politik digarap dengan tajam sekali. Tetapi persoalannya ialah apakah protes dalam bentuk satira ini merupakan suatu protes yang kuat dan berjaya? Secara peribadi saya berpendapat, protes sosial dalam cerpen satira begini adalah suatu protes yang lemah. Kelemahannya ialah kerana persoalannya mungkin tidak dapat sampai ke pengetahuan pembaca, kerana kelemahan imaginasi pembaca yang tak dapat berasosiasi dengan kewujudan watak-watak. Di sinilah tugas pengkritik diperlukan, menemukan hasrat penulis kepada pembaca. Pengkritik merupakan jambatan yang dapat menghubungkan keinginan penulis untuk berkomunikasi dengan pembaca. Pengkritik mengusahakan sedapat mungkin menemukan hasil pertemuan penulis terhadap kehidupan (kenyataan dan imaginasi) kepada masyarakat audien. Dan pengkritik memiliki peranan yang amat fungsional dalam meluaskan audien dan pendukung kesusasteraan.

Sekian. Semoga percakapan ini memanfaatkan.